

17 FEB 1998

Muhyiddin-LTdL

LTdL JADI PERLUMBAAN BASIKAL TERULUNG DI RANTAU INI

LANGKAWI, 17 Feb (Bernama) -- Le Tour de Langkawi (LTdL) akan menjadi perlumbaan basikal yang terulung di rantau ini, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata ini kerana First Cartel (M) Sdn Bhd dan jawatankuasa penganjurnya sudah mempunyai banyak pengalaman selepas menganjurkan LTdL beberapa tahun lepas.

"Kita harap LTdL kali ini akan lebih berjaya berbanding sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan acara menembak sukan Komanwel 1998 di Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi, di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad melancarkan LTdL di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

LTdL disertai 150 pelumba dari 25 pasukan yang merangkumi 12 peringkat bermula esok dari Langkawi dan berakhir di Kuala Lumpur.

Perlumbaan peringkat pertama akan berlangsung di Langkawi iaitu ujian masa perseorangan sejauh 16km dari Datai ke Pantai Kok.

Perlumbaan edisi ketiga terbesar di dunia selepas Le Tour de France dan Giro d'Italia itu menyediakan hadiah lumayan bagi setiap peringkat.

Muhyiddin yakin LTdL boleh dinaikkan ke tahap ranking lebih baik oleh Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI) dan diiktiraf sebagai satu perlumbaan lumba basikal yang terulung di rantau ini.

Beliau berkata kejayaan LTdL kerana banyak pihak termasuk penaja membantu menjayakannya.

Muhyiddin berkata ini terbukti dengan penambahan penyertaan pasukan terkemuka dunia dalam perlumbaan LTdL kali ini.

"Ini bermakna mereka sudah menerima LTdL sebagai acara sama penting dengan acara lumba basikal lain," katanya yang yakin LTdL akan terus mendapat sokongan daripada masyarakat dan peminat lumba basikal di negara ini.

Beliau berkata acara ini juga akan memberi ruang kepada bakat-bakat baru dalam bidang lumba basikal menyaksikan kehebatan pelumba terkemuka beraksi pada LTdL.

Muhyiddin turut mengharapkan kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan acara itu berjalan lancar.-- Bernama

ZI NH NAK